



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 34 Tahun 2019

**PINDAAN TEMPOH SAH LAKU CALON SIMPANAN BAGI LANTIKAN
BAHARU DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pindaan tempoh sah laku calon simpanan bagi lantikan baharu di Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Proses pengambilan staf dalam sesebuah organisasi merupakan fungsi yang amat penting untuk menjamin kejayaan pengurusan sumber manusia. Tanpa strategi pengambilan yang baik, organisasi akan mengalami beberapa kesan yang negatif.

3. Pada masa ini, kelulusan pengisian jawatan yang diterima dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah secara tahunan dan berperingkat. Sehubungan itu, bagi mengelakkan proses iklan dan temu duga bagi jawatan yang sama diadakan terlalu kerap, pihak Universiti mencadangkan pindaan kepada tempoh sah laku calon simpanan bagi lantikan baharu di Universiti Teknologi MARA.

PELAKSANAAN

4. Sejalan dengan ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat terhadap penyampaian perkhidmatan Pejabat Pendaftar terutama bagi urusan pengambilan staf, Majlis Sumber Manusia Ke-39 bertarikh 11 September 2019 telah meluluskan pindaan tempoh sah laku calon simpanan bagi lantikan baharu dari enam (6) bulan ke satu (1) tahun.

5. Pindaan kepada tempoh sah laku calon simpanan ini dapat memberi peluang yang tinggi kepada calon tersebut untuk dilantik ke jawatan yang telah ditemu duga. Di samping itu, pelaksanaan pindaan ini juga dapat mengurangkan kos sekiranya urusan pengambilan tersebut perlu dijalankan berulang kali bagi memenuhi kekosongan jawatan.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 01 Oktober 2019.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 11 September 2019.

PEMAKAIAN

8. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua jenis lantikan baharu di Universiti Teknologi MARA.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Cawangan
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 32/2019)